

31/08/2003

Pegawai bijak terjemah visi

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kejayaan yang dicapai negara terutama dalam aspek pembangunan sepanjang beliau menjadi Perdana Menteri, bukan miliknya seorang.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, kejayaan itu didorong oleh keinginan besar dan keupayaan pegawai menterjemahkan visi dan arahan kerajaan.

"Saya bernasib baik kerana pegawai yang dipertanggungjawabkan menterjemahkan semua arahan kerajaan begitu baik sehingga semua yang dilakukan sangat menarik dan boleh dibanggakan.

"Pihak kerajaan mempunyai cadangan yang kecil saja, tetapi apabila diterjemahkan oleh pegawai ia menjadi lebih besar, menarik dan membanggakan," katanya.

Beliau berucap pada majlis perasmian Monumen Alaf Baru Kebangsaan dan Perkhidmatan Bot menyusuri Tasik Putrajaya di sini petang semalam.

Turut hadir isteri Perdana Menteri Datin, Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Paduka Endon Mahmood, serta Presiden Pembadanan Putrajaya, Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Perdana Menteri memberi contoh bagaimana Pertunjukan Udara dan Maritim Langkawi (LIMA) pada mulanya dicadangkan kerajaan sebagai pameran untuk pesawat kecil, pesawat pelatih dan jet persendirian.

"Tetapi pegawai telah membesarkan pameran ini sehingga menjadi satu daripada pameran maritim dan udara peringkat antarabangsa.

"Usaha lain juga diterjemahkan oleh pegawai dengan hati besar dan keinginan untuk melihat negara ini lebih indah dan menarik," katanya yang turut memuji Tan Sri Azizan Zainul Abidin yang menterjemahkan visi kerajaan untuk Putrajaya dengan baik sekali.

Beliau berkata, kerajaan tidak dapat membina ibu kota sebesar London dan Paris tetapi kejayaan membangunkan Putrajaya sudah cukup membanggakan.

"Saya harap rakyat semua akan menghargai dan sayangkan Putrajaya dan menjaganya supaya kekal ibu kota pentadbiran kejayaan yang boleh kita banggakan.

"Pembangunan Putrajaya cukup sempurna dan harus dibanggakan dan hendak ia menjadi ibu kota pentadbiran negara untuk selama-lamanya," katanya.

Beliau juga berharap mereka yang hadir untuk menyaksikan perarakan sambutan Kemerdekaan ke-46 hari ini akan menjaga kebersihan di sini kerana ia adalah nilai penting yang perlu ada dalam setiap rakyat.

Sementara itu, monumen setinggi 68 meter yang dibina di kawasan taman seluas 26 hektar di Presint 2 di sini, menyimpan detik dan kejayaan yang dicapai negara sejak Merdeka.

Asas menara berdasarkan rekaan bunga kebangsaan, Bunga Raya manakala menara diperbuat menggunakan tiub besi waja yang diperkukuhkan menggunakan besi yang sama.

Selepas merasmikan monumen itu, Perdana Menteri meletakkan empat koleksi ucapan penting semua Perdana Menteri negara ini termasuk dirinya. Amanat itu akan disimpan sebagai warisan rakyat negara ini.

Sebelum itu, Dr Mahathir, Dr Siti Hasmah, Abdullah, Endon serta jemputan khas lain dibawa ke majlis perasmian Monumen Alaf Baru Kebangsaan menggunakan bot persiaran dari pangkalan di Jambatan Putra, sekali gus merasmikan perkhidmatan bot di Tasik Putrajaya.